

GLOBALISASI DAN CABARAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

GLOBALIZATION AND EDUCATIONAL CHALLENGES IN MALAYSIA

**Habib Mat Som
Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud
Universiti Malaya**

This article discusses several issues related to the challenges facing education in Malaysia as a result of globalization. The issues discussed are related to: a) lifelong learning; b) curriculum innovation; c) educational management; d) development of student resilience; and f) teacher professional development.

Satu pernyataan penting dalam falsafah pendidikan di Malaysia adalah usaha untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Pelajaran 1979 pula telah menggariskan matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan individu yang berdisiplin terhadap diri, keluarga, masyarakat, institusi pendidikan dan juga negara. Matlamat tersebut telah meletakkan satu penanda aras di mana generasi rakyat Malaysia yang telah tamat alam persekolahan akan menjadi warganegara yang dapat memberikan sumbangan bermakna terhadap keharmonian negara. Pernyataan tersebut yang digariskan tiga dekad yang lalu secara relatifnya masih relevan dalam menjawab permasalahan semasa terutama dalam persekitaran kehidupan global yang sentiasa berubah.

Hussein Ahmad (2001) telah membincangkan persoalan mengenai pergolakan moral dan kehidupan sosial yang semakin membimbangkan di kebanyakan negara terutamanya dari segi budaya songsang, remaja liar, dan bentuk-bentuk kelakuan ganas yang meliputi kes membuli, pergaduhan sesama pelajar, vandalisme, mencuri, membunuh dan sebagainya. Kes-kes tersebut dikatakan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Malahan, hasil penelitian laporan pihak UNESCO terhadap beberapa buah negara seperti Jordan, Colombia, Habsyah, Israel, Slovakia, El Salvador, Guatemala, Nicaragua dan Peru menunjukkan kes-kes keganasan pelajar bagi negara-negara tersebut telah mencatatkan bilangan peningkatan kes dari setahun ke setahun.

Malaysia, sebagai sebahagian daripada komuniti kehidupan global pada realitinya juga tidak terlepas dari menghadapi kemelut sosial yang sedang melanda masyarakat dunia masa kini. Dunia tanpa sempadan yang menyebabkan banjir maklumat, akses yang mudah kepada dunia hiburan, layaran mudah bahan-bahan porno melalui Internet dan kehidupan alam siber yang menjadi trend masyarakat

menjadikan gejala negatif yang dominan di luar batasan moral masyarakat setempat sukar dipintas dan ditapis.

Dalam erti kata lain, cabaran kehidupan *global village* dan *borderless world* akan terus memberi impak secara langsung terhadap kehidupan pelajar dalam perkampungan global (*global village*) ini. Fenomena tersebut mempunyai pertalian yang signifikan antara kemajuan kehidupan manusia dengan kesan daripada ledakan perkembangan telekomunikasi yang membawa kepada penyelerakan maklumat secara terbuka melalui dunia hiburan, komunikasi, penyelerakan pelbagai idea, budaya dan lain-lain.

Fenomena yang berlaku ini telah mencetuskan perasaan kebimbangan terhadap generasi pelajar pada masa kini. Perkembangan tersebut telah mendorong para perancang kurikulum di kebanyakan negara terpaksa menyemak semula keberkesanan kurikulum sekolah untuk menghadapi pelbagai perubahan akibat pengaruh globalisasi tersebut. Dari aspek perkembangan pendidikan para perancang merasa terpanggil untuk membuat penyemakan sejauhmana kekuatan dan kelemahan sistem pendidikan yang dilaksanakan di negara masing-masing benar-benar relevan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan tertentu bagi menghadapi daya saing persekitaran global yang semakin sengit dan mencabar. Dari segi perkembangan kurikulum pula institusi pendidikan berhadapan dengan pelbagai tekanan sama ada dari ahli politik, pendidik, ahli akademik, masyarakat massa, ibu bapa, penyelidik, tokoh korporat, kumpulan pedagang, ahli profesional dan sebagainya untuk melakukan langkah tertentu terhadap kurikulum secara lebih drastik sifatnya seperti merombak kurikulum, memberi nilai tambah, melakukan inovasi, membuat penyemakan dan melakukan reformasi bagi memastikan kurikulum sekolah tetap relevan dengan keperluan kehidupan itu sendiri.

Trend globalisasi juga telah mencetuskan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan di Malaysia sebagai tindak balas kepada keterbukaan idea mengenai keperluan pendidikan dalam meningkatkan kualiti hidup. Antara cabaran tersebut adalah dari segi:

1. Keperluan terhadap pembelajaran berterusan.
2. Penggunaan teknologi telekomunikasi dan maklumat.
3. Pengurusan pendidikan.
4. Pembentukan jati diri pelajar.
5. Kualiti guru.

Cabaran Pertama: Pembelajaran Berterusan

Pihak UNESCO dalam membincangkan keperluan perubahan dalam bidang pendidikan dalam era globalisasi ini mencadangkan supaya digerakkan pemikiran ke arah melakukan rombakan dalam cara-cara membangunkan potensi sumber manusia melalui tata cara pendidikan secara formal dan tidak formal. Pendekatan ini mencadangkan supaya diperbanyakkan institusi latihan dan pendidikan bagi orang-orang dewasa yang sudah mempunyai kerjaya untuk membangun dan mengembangkan potensi sumber manusia bagi membolehkannya memberi sumbangan lebih bermakna kepada pembangunan negara dan juga perkembangan diri individu itu sendiri (Hussein Ahmad, 2001). Idea tersebut di atas secara tidak langsung mendorong kepada berkembangnya trend pendidikan secara berterusan terutama dalam kalangan orang dewasa. David (1988) telah menyenaraikan beberapa alasan mengapa trend tersebut wujud:

1. Memberi peluang orang dewasa yang kekurangan pendidikan di peringkat sekolah tinggi untuk memperoleh kemahiran yang diperlukan supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam masyarakat dan pekerjaan.
2. Memperoleh kemahiran pekerjaan peringkat tinggi.
3. Memperoleh kemahiran yang diperlukan bagi menjadi seorang ahli masyarakat yang berfungsi lebih efisien dan dapat menjadi seorang pengguna yang lebih pintar.
4. Membangunkan pemahaman kritikal daripada masalah-masalah yang wujud dalam masyarakat serta berupaya mengambil bahagian secara aktif dalam masyarakat dengan tujuan mencapai keadilan sosial.
5. Membangunkan sikap menggunakan masa lapang dengan kreatif bagi memperoleh pengetahuan yang diperlukan.
6. Membangunkan sikap belajar secara sukarela.
7. Membantu orang dewasa menjadi lebih sedar pada biografi sendiri dalam hubungannya dengan masyarakat secara keseluruhannya.
8. Membantu orang dewasa dalam merancang kerjaya dan mencapai matlamat yang bererti.
9. Membolehkan individu membangunkan kelebihan-kelebihan terpendam dan mempertingkatkan konsep sendiri individu tersebut.

Di samping itu, Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi tempoh 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara telah memberikan penekanan kepada usaha untuk membangunkan tenaga manusia yang berpengetahuan tinggi menerusi dasar Pendidikan Seumur Hidup yang antara lain bertujuan:

1. Menyediakan dan memberi galakan latihan dalam teknologi tinggi dengan memberi penekanan kepada kepelbagaian kemahiran
2. Membangunkan program latihan yang berinovasi bagi memenuhi keperluan pengetahuan dalam industri
3. Mewujudkan program e-Latihan
4. Mewujudkan persekitaran yang mesra kepada pembelajaran di semua agensi dalam perkhidmatan awam
5. Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pendidikan dewasa dan Pendidikan Berterusan
6. Menggubal polisi bagi menggalakkan penggunaan sekolah, kolej komuniti, masjid, dewan orang ramai dan bangunan awam dan persendirian bagi program Pendidikan Berterusan
7. Melancarkan Kempen Kebangsaan mengenai kepentingan pendidikan seumur hidup.

Selain itu, akibat tuntutan masyarakat yang agak tinggi terhadap peri pentingnya pendidikan berterusan ini, terdapat kecenderungan orang ramai di Malaysia yang menyambung pelajaran mereka pada peringkat lebih tinggi dan juga untuk mempelajari pelbagai kemahiran. Penubuhan Universiti Terbuka Malaysia misalnya memberi peluang untuk mereka yang berminat meneruskan pengajian yang mungkin tergendala akibat masalah-masalah tertentu. Pusat Pendidikan Berterusan di Universiti Malaya juga telah menawarkan pelbagai kursus profesional untuk para eksekutif dalam bidang pentadbiran, pemasaran, kemahiran bahasa dan program pendidikan awal kanak-kanak di mana jumlah peserta sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Pertambahan bilangan pelajar yang memohon pada saban tahun merupakan cabaran kepada setiap institusi seumpama itu dari segi pembukaan lebih banyak kampus

cawangan, penambahan bilangan tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan pembelajaran.

Cabaran Kedua: Inovasi Dalam Pelaksanaan Kurikulum

Ohmae (1995) menyatakan bahawa perkembangan dalam teknologi maklumat dan arus globalisasi telah menyebabkan berlakunya kecairan sempadan nasional yang telah melahirkan paradigma baru kepada semua organisasi, termasuk institusi pendidikan. Seperti mana-mana negara di seluruh dunia, Malaysia tidak dapat mengelak daripada menghadapi cabaran tersebut sebagai kesan daripada arus globalisasi. Hallinger (1998) menegaskan globalisasi telah mendorong berlakunya anjakan paradigma yang amat ketara di kebanyakan negara dalam konteks untuk mencari makna terhadap kualiti pendidikan dan juga kurikulum yang ditawarkan. Ini disebabkan kebimbangan akan kehilangan daya saing dalam persekitaran dunia global sekiranya penyemakan dan perubahan terhadap kurikulum tidak dilakukan. Dalam konteks ini, sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami transformasi yang agak radikal bermula sekitar tahun 1990-an sebagai reaksi kepada perubahan di peringkat global tersebut. Beberapa perubahan kurikulum terutama dari segi strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran telah diperkenalkan seperti:

1. Sekolah Bestari: Tumpuan kepada proses pengembangan dan pemupukan pembelajaran dengan menggunakan komputer dan penggunaan multimedia.
2. Projek Sekolah Net: Penggunaan komputer peribadi dan persekitaran Local Area Network (LAN). Guru berfungsi sebagai penerima maklumat sesuatu bahan kurikulum dan pembelajaran daripada luar dan kemudian menyalurkannya kepada pelajar. Ini memberi peluang kepada pelajar mendapat kemahiran dan maklumat sesuai dengan keupayaan mereka dan aplikasi pelbagai stail pembelajaran.
3. Projek Smart Lab: Menggunakan jaringan komputer bagi membolehkan pelajar mengakses ilmu dan maklumat daripada pelbagai sumber dengan guru berfungsi sebagai pemandu, pelayar dan pemudahcara.
4. Projek Sekolah Vista: Perisian aplikasi bagi pengurusan bilik darjah untuk pengajaran dan pembelajaran. Ini bagi membolehkan guru menguruskan bilik darjah dengan berkesan dan memberi peluang kepada pelajar berkomunikasi secara elektronik dengan rakan dan guru.

Di samping perkembangan dari segi penggunaan teknologi maklumat, kurikulum di Malaysia juga telah disemak semula dan diberi nilai tambah supaya kurikulum tersebut adalah relevan dan berupaya untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran tertentu bagi menghadapi persekitaran global setelah mereka melepasi alam persekolahan. Trend yang agak ketara dikenal pasti dalam perkembangan kurikulum di Malaysia adalah ke arah melahirkan warganegara global, selaras dengan perkembangan jaringan informasi dalam era globalisasi kini. Ini seiring dengan pendapat Hallinger (1998) bahawa langkah yang proaktif diperlukan supaya sekolah berupaya melahirkan pelajar yang mempunyai ciri tertentu bagi persediaan menghadapi persaingan global iaitu dari segi:

1. Mempunyai budaya pembelajaran sepanjang hayat
2. Mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda dan bahasa antara bangsa
3. Menguasai kemahiran teknologi untuk keperluan pekerjaan dan kehidupan seharian

4. Bersedia dari segi kognitif untuk tugas yang kompleks dan mencabar, menyelesaikan masalah serta menjana pengetahuan baru.
5. Menjadi warganegara yang bertanggungjawab dari segi sosial, politik dan budaya.

Seiring dengan perubahan pada persekitaran global juga, kurikulum di Malaysia telah melalui satu era transformasi dari segi penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran sains dan matematik di sekolah rendah dan di sekolah menengah. Ini bertujuan untuk memberikan persediaan kepada pelajar bagi menghadapi persekitaran global terutama berkaitan dengan perkembangan sains dan teknologi di mana bahasa Inggeris adalah begitu penting dikuasai bagi mengakses ilmu dan maklumat dalam bidang tersebut. Bahasa antara bangsa yang lain seperti bahasa Arab, Perancis, Jepun, Jerman dan lain-lain turut diperkenalkan juga di sekolah yang bertujuan menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia global dan menjadi *global player* secara lebih berkesan.

Cabaran yang terpaksa dilalui oleh institusi pendidikan dalam konteks pelaksanaan inovasi kurikulum adalah kesediaan guru untuk menerima dan melaksanakannya dengan penuh kesungguhan. Harvey (1990) telah menyenaraikan beberapa faktor yang mengekang kesediaan guru untuk melaksanakan perubahan iaitu:

1. Kurang rasa kepunyaan: Guru-guru merasakan perubahan yang dilaksanakan di sekolah sebagai elemen asing justeru mereka tidak mempunyai rasa kepunyaan, lebih-lebih lagi sekiranya mereka menyedari idea sesuatu perubahan itu adalah daripada pihak luar seperti pertubuhan bukan kerajaan, kumpulan-kumpulan pendesak, tekanan pihak media dan sebagainya.
2. Kurang berfaedah: Guru-guru mempunyai pandangan agak konservatif bahawa amalan yang sedia ada tidak perlu kepada perubahan yang drastik kerana kurang diyakini benar-benar membawa faedah kepada mereka dan juga murid. Situasi mungkin akan menjadi lebih bercelaru apabila perubahan itu menyebabkan guru kekurangan kuasa autonomi terhadap pelajar seperti idea mengenai fungsi guru dalam kelas adalah sebagai pemudah cara sedangkan kebanyakan guru berpendapat fungsi tradisi guru adalah sebagai pendidik dan penyampai ilmu.
3. Penambahan beban: Guru mempunyai persepsi umum bahawa setiap perubahan bermakna penambahan terhadap beban tugas dan tanggungjawab. Persepsi ini menyebabkan guru bersikap pesimis terhadap pencetus idea perubahan kerana pihak-pihak berkenaan dianggap sebagai tidak memahami masalah mereka terutama beban tugas yang tidak berkaitan dengan pengajaran seperti menghadiri mesyuarat, menghadiri kursus, menjalankan aktiviti berkala di sekolah seperti hari kantin, hari sukan, hari kokurikulum dan pelbagai "jenis hari".
4. Kekurangan sokongan pentadbiran: Guru-guru sukar untuk melaksanakan perubahan kurikulum di sekolah sekiranya pihak pentadbiran kurang memberikan sokongan iaitu dari segi: a) kewangan b) motivasi dan dorongan c) pengiktirafan d) penyediaan peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran dan e) mengurangkan karenah birokrasi di peringkat sekolah.
5. Menyendiri: Kebanyakan guru lebih suka melakukan tugas secara menyendiri terutama berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Justeru sekiranya perubahan memerlukan guru bekerja secara berpasukan seperti pelaksanaan kaedah kolaboratif guru berasa kurang kondusif dan kebanyakan mereka akan mengelak dari melibatkan diri secara proaktif.

6. Perbezaan tahap pengetahuan dan kemahiran: Guru-guru yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang rendah terhadap sesuatu inovasi akan kurang memberikan kerjasama berbanding mereka yang lebih berpegetahuan dan berkemahiran. Misalnya guru yang lebih berkemahiran dalam komputer tentu akan bertindak secara proaktif dalam proses pengajaran berbantu komputer berbanding guru yang kurang berkemahiran.
7. Perubahan yang kerap dan mendadak: Sesuatu perubahan kurikulum yang diperkenalkan terlalu kerap dan mendadak akan menimbulkan kejutan kepada guru. Mereka kurang bersedia kerana terpaksa mengetahui, mempelajari dan melaksanakan kemahiran baru.

Penggunaan teknologi maklumat dalam era globalisasi juga merupakan cabaran yang memerlukan keprihatinan pihak Kementerian Pelajaran. Perkembangan semasa menuntut kepada penggunaan komputer sebagai media prima dalam memperoleh dan menyebarkan ilmu, kemahiran dan cara-cara menjalankan penilaian. Penggunaan perisian komputer pada masa ini berlaku secara aktif seiring dengan pelbagai kemudahan infrastruktur yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Pada masa yang sama juga Pembelajaran Berbantu Komputer telah beroperasi secara pantas di sekolah-sekolah dengan penggunaan pelbagai perisian. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Perisian latihan tubi yakni program yang membantu pelajar mencari penyelesaian kepada masalah atau menjawab soalan yang disediakan. Contoh perisian adalah buku kerja elektronik di mana pelajar menggunakan perisian latihan tubi untuk membuat aktiviti pengukuhan dan mengulangkaji pelajaran. Komputer dapat memberi maklum balas kepada jawapan pelajar dan sekaligus dapat menilai pencapaian mereka.
2. Perisian tutorial iaitu program yang berfungsi sebagai tutor dalam menyediakan maklumat dan aktiviti pembelajaran yang perlu dikuasai pelajar. Perisian seperti ini mengajar penggunaannya dan kemudian menyoal semula apa yang telah disampaikan.
3. Perisian simulasi: Perisian ini menyamai fenomena sebenar atau imaginasi untuk memperlihatkan bagaimana situasi sebenar berlaku secara realiti. Perisian ini dapat memaparkan fenomena dalam bentuk teks, grafik, animasi dan bunyi. Pelajar boleh berinteraksi dengan komputer seperti membuat analisis dan membuat keputusan.
4. Perisian permainan: Perisian ini lebih kepada bentuk memotivasikan pelajar dengan menggunakan aktiviti permainan yang berkaitan dengan pembelajaran.
5. Perisian penyelesaian masalah: Perisian ini merupakan program yang mengajar secara langsung melalui huraian, penjelasan dan langkah-langkah mengikut tahap perkembangan pelajar.

Pengajaran dan pembelajaran berbantu komputer dengan kemudahan penggunaan ICT akan menjadikan pengajaran lebih bermakna kerana orientasi pengajaran adalah berpusatkan pelajar. Guru berperanan sebagai pemudahcara dan penyelesaian masalah. Johnson (1986) menjelaskan bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran boleh diaplikasikan dalam semua bidang mata pelajaran seperti sains, matematik, bahasa dan kesusasteraan. Perisian komputer berupaya memandu pelajar untuk berfikir kritis dan menghasilkan pembelajaran bermakna yang bukan hanya sekadar mempersembahkan maklumat daripada buku teks atau sumber lain dalam bentuk media.

Cabaran Ketiga: Pengurusan Pendidikan

Pengurusan pendidikan juga telah mengalami transformasi yang agak radikal dalam perkembangan dunia global terutama dari segi penggunaan teknologi telekomunikasi dan pengkomputeran. Beberapa inovasi telah dilaksanakan dalam pengurusan pendidikan di Malaysia terutama di peringkat sekolah bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pendidikan. Beberapa perisian baru telah diaplikasikan yang dikenali sebagai Pengurusan Maklumat Sekolah (*School Management Information System*). Aplikasi sistem ini telah memudahkan pihak pentadbiran sekolah melaksanakan tugas-tugas rutin seperti:

1. Membantu dan mempermudah pengurus sekolah membuat keputusan.
2. Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran.
3. Mengurangkan beban pengurus dalam melaksanakan tugas yang pelbagai.
4. Meningkatkan kecekapan sistem pengurusan fail.
5. Memudah dan menjimatkan masa dari segi mengumpul, memproses dan menyimpan data seperti laporan kehadiran pelajar.
6. Meningkatkan kecekapan dalam penyediaan gred/markah peperiksaan pelajar.
7. Penempatan pelajar dalam kelas.
8. Membuat agihan jadual waktu mengajar guru.
9. Pembinaan jadual waktu guru.
10. Membuat agihan sumber kewangan, buku teks, dan sebagainya.
11. Menyimpan data mengenai stok dan inventori sekolah serta pelbagai urusan rutin yang dikendalikan pentadbir dan guru.

(Rahmad Sukor, 2006)

Cabaran Keempat: Pembentukan Jati Diri

Isu-isu berkaitan perlakuan negatif pelajar semakin membimbangkan. Hasrat untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan individu pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sedang menghadapi ujian dari segi keberkesanan pelaksanaannya kerana masyarakat masa kini sedang berhadapan dengan arus globalisasi yang bersamanya membawa masuk pelbagai budaya yang bertentangan dengan budaya setempat. Hussein Ahmad (2001) memberi penegasan bahawa proses globalisasi yang melanda dunia telah membawa perubahan yang mendadak kepada perlakuan hidup dan norma kehidupan manusia di seluruh dunia. Sama ada sesebuah negara itu kecil atau besar, pedalaman benua mahu pun di kepulauan kecil, di pergunungan tinggi mahu pun di lereng, kaki dan lembah bukit, kesemuanya telah menerima tempias dan pengaruh fenomena globalisasi.

Kesan yang paling ketara akibat pengaruh globalisasi adalah perubahan gaya hidup terutama dalam kalangan anak-anak remaja di bangku sekolah yang begitu terpengaruh dengan amalan negatif kehidupan Barat. Fenomena yang berlaku boleh dikatakan sebagai satu petunjuk di mana asas-asas budaya, agama dan citra bangsa sendiri mulai longgar dan tercabut secara tidak kita sedari sehinggakan para remaja tidak berasa bersalah untuk meniru secara melulu gaya kehidupan barat seperti kehidupan berfoya-foya dan berseronok-seronok, pergaulan bebas, penganjuran majlis-majlis sosial yang melampaui batas, penjonjolan pelbagai fesyen pakaian ala Barat yang keterlaluan dan sebagainya.

Semua institusi pendidikan menghadapi cabaran untuk meletakkan anak-anak remaja di landasan moral yang betul menurut acuan tempatan melalui pelaksanaan program-program pendidikan nilai di sekolah. Aspek yang perlu diteliti adalah aspek berkaitan keperibadian guru, budaya sekolah dan aktiviti-aktiviti kokurikulum kerana perkara tersebut memberi impak tersendiri dalam pembentukan moral pelajar.

1. Keperibadian guru: Guru perlu menampilkan perawakan yang positif terutama ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Perwatakan guru yang jujur, amanah, bersopan santun, penyayang, penyabar, sedia memberi pertolongan, sedia berkorban dan berdedikasi perlu diterampilkan supaya dapat menjadi contoh pelajar. Guru juga perlu membawa watak orang yang taat kepada amalan agama.
2. Budaya sekolah: Budaya sekolah yang mempraktikkan sikap amanah, ketekunan, cintakan kecemerlangan, berkasih sayang, bertolong bantu, kesantunan akhlak dan mengamalkan kehidupan beragama adalah elemen-elemen yang perlu dihidupkan dan dihayati secara berterusan. Aspek tersebut merupakan nilai yang seharusnya diberikan perhatian secara bersungguh-sungguh oleh pihak pentadbiran sekolah
3. Aktiviti kokurikulum: Aktiviti seperti pakaian beruniform, persatuan, kelab dan kegiatan sukan dapat memberi input penting kepada pembentukan sahsiah pelajar. Aktiviti yang dijalankan melalui pemantauan guru akan menyuburkan sikap positif terhadap semangat bekerjasama, berdikari, tolong menolong, semangat cinta akan negara dan berdisiplin.

Cabaran yang perlu dilaksanakan secara kolektif dalam pembentukan jatidiri pelajar adalah dari segi strategi untuk menerapkan nilai kerohanian melalui tiga fakulti yang perlu dilaksanakan secara serentak iaitu pengisian roh, pengisian akal dan pengisian jasmani. Cabaran untuk mengisi kerohanian perlu berlandaskan sumber yang berautoriti dengan merujuk kepada sumber ketuhanan dan nubuwah. Pengisian akal pula perlu bertunjangkan aspek kognitif yang terpadu bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri. Dalam erti kata lain, akal perlu diberikan input dengan unsur-unsur yang dapat mengangkat martabat manusia menjadi lebih berkualiti dan dapat dimanfaatkan untuk kehidupan masyarakat, negara dan kehidupan sejagat. Dari segi jasmani pula kegiatan yang berasaskan gaya hidup sihat perlu diterapkan seperti cara menggunakan masa lapang, tabiat pemakanan, riadah perlu digerakkan secara aktif dan berterusan dengan bimbingan dan panduan guru.

Cabaran Kelima: Perkembangan Profesionalisme Guru

Guru merupakan aset utama bagi memastikan perkembangan pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan di sekolah. Guru perlu memiliki kualiti yang bersifat kontemporari dan relevan dengan zamannya. Robiah Sidin (1994) mencadangkan beberapa kriteria yang perlu dimiliki guru supaya mereka mempunyai kesediaan dan mampu menghadapi perubahan zaman. Antara ciri yang perlu dimiliki adalah:

1. Berupaya memimpin perubahan di sekolah di mana guru itu bertugas
2. Mengutamakan daya pengeluaran tinggi dalam bidang kerjayanya
3. Sentiasa mengikuti peredaran masa
4. Memahami perkembangan teknologi
5. Mempunyai sifat berani, mahu mencuba idea baru dan inovatif

Omar Hashim (1991) pula berpendapat bagi memastikan guru dapat melaksanakan perubahan kurikulum sesuai dengan keperluan zaman global ini dengan berkesan seseorang guru perlu memiliki beberapa kemahiran, seperti yang beliau nukilkan:

Apakah antara kemahiran yang harus ada pada seseorang guru sebagai persediaan abad 21 ini?. ...Para guru harus mempunyai bekalan secukupnya baik dari segi kemahiran mahu pun pengetahuan. Guru abad 21 mestilah merupakan pendidik serba boleh serta lincah dalam beberapa kemahiran termasuk keupayaan menggunakan media elektronik serta komputer untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. (hlm. 428-429)

Cabaran guru dalam peningkatan profesionalisme banyak berkait dengan tumpuan guru itu sendiri terhadap pelaksanaan tugas terutama berkaitan sesuatu inovasi (Ornstein & Hunkins, 1988). Banyak kajian telah dijalankan mengenai perkara tersebut. Antara lain kajian oleh Habib Mat Som (2005), Katz (1972), Hall dan Loucks (1978), Fuller (1975) dan Anderson (1997). Secara umumnya dapatan kajian menunjukkan terdapat pola tertentu dari segi kesediaan guru terhadap peningkatan tahap profesionalisme mereka

Fuller (1975) yang dianggap sebagai pelopor dalam kajian perkembangan profesionalisme guru mengkategorikan tingkah laku guru kepada tiga tahap iaitu: a) Tumpuan Berkaitan Peribadi; b) Tumpuan Berkaitan Tugas; c) Tumpuan Berkaitan Kesan. Hall dan Loucks (1978) pula dalam kajian lanjutnya telah memurnikan klasifikasi tumpuan tersebut kepada tahap berikut: a) Tumpuan Tiada Berkaitan; b) Tumpuan Berkaitan Peribadi; c) Tumpuan Berkaitan Tugas; dan d) Tumpuan Berkaitan Kesan. Huraian bagi setiap Tahap Tumpuan tersebut adalah seperti berikut:

1. Tumpuan Tiada Berkaitan: Guru tidak mahu mengambil tahu apa-apa perubahan yang berlaku di sekolah.
2. Tumpuan Berkaitan Peribadi: Guru melihat keupayaan diri sendiri untuk melaksanakan sesuatu tugas terutama dari segi kemahiran dan pengetahuannya. Aspek lain yang diberi tumpuan adalah berkaitan keluarga, kesihatan dan penggunaan masa senggangnya.
3. Tumpuan Berkaitan Tugas: Guru cenderung untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan sentiasa berusaha menghasilkan yang terbaik terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran.
4. Tumpuan Berkaitan Kesan: Guru mempunyai visi yang jelas terhadap peranannya sebagai pendidik secara holistik dalam konteks kemajuan pelajar, kebolehlaksanaan kurikulum dan implikasi kurikulum terhadap kemajuan negara.

Kajian yang dijalankan oleh Habib Mat Som (2005) berkaitan Tumpuan Guru menunjukkan 33 peratus guru berada pada Tahap Tumpuan Berkaitan Peribadi berbanding 28 peratus pada tahap Tumpuan Berkaitan Tugas, 22 peratus pada Tahap Tumpuan Berkaitan Kesan dan 17 peratus pada Tahap Tumpuan Tiada Berkaitan. Rumusan kajian beliau mencadangkan secara umumnya hanya segelintir guru sahaja yang memiliki Tahap Tumpuan yang tidak produktif (Tahap Tumpuan Tiada Berkaitan) dalam konteks peningkatan tahap profesionalisme guru itu sendiri.

Kesimpulan

Dunia pendidikan di Malaysia masa kini sedang melalui era transformasi yang sangat dirasai gelombangnya. Ini terkesan daripada minat ibu bapa yang tinggi terhadap perkembangan pendidikan dan persekolahan anak-anak mereka baik di peringkat pra sekolah, pendidikan rendah, menengah dan juga di institusi pengajian tinggi. Kesedaran tersebut adalah implikasi daripada kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bagi memajukan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan yang semakin sengit. Masyarakat masa kini sangat prihatin dan mengikuti perkembangan pendidikan dengan penuh minat dan bersikap kritikal terhadap isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan kemajuan anak-anak mereka. Pihak perancang pendidikan perlu melihat isu-isu dan cabaran yang berbangkit secara menyeluruh dan komprehensif. Menyelesaikan masalah secara runcitan dan memberi tumpuan kepada aspek tertentu dan mengurangkan tumpuan kepada aspek lain akan menghalang pelaksanaan pendidikan kita terutama bagi memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri.

Para pendidik di sekolah juga perlu melihat ke hadapan dengan pandangan dan paradigma baru di mana pendidikan dalam era globalisasi ini perlu di tafsirkan secara holistik. Tidak perlu ada pemisahan antara kesungguhan guru, komitmen terhadap pengajaran dan pembelajaran dan juga kesediaan untuk mendidik generasi pelajar di mana kesemuanya perlu bergerak selari dan sentiasa beriringan. Dalam erti kata lain, memotivasikan pelajar untuk memperoleh kecemerlangan dalam aspek kognitif, kemahiran, spiritual dan sosial perlu juga diiringi dengan kesediaan guru untuk sama-sama memikul tanggungjawab yang semakin berat kerana sifat semula jadi pendidikan itu sendiri yang memang sentiasa dinamik dan perlu memberi tindak balas terhadap keperluan zaman.

Rujukan

- Anderson, S. E. (1997). Understanding teacher change. Revisiting the Concerns Based Adoption Model. *Curriculum Inquiry*, 27(3), 331-367.
- Cooper, C. L., & Payne, R. (Eds.). (1988). *Causes, coping and consequences of stress at work*. New York: Chichester.
- David, J. (1988). *Adult education and cultural development*. New York: Routledge.
- Fuller, F. (1975). Becoming a teacher. Dlm. K. Ryan (Eds), *Teacher education*. Chicago: University of Chicago Press.
- Fullan, M. (1993). *Change forces: Probing the depths of educational reform*. London: Falmer Press.
- Habib Mat Som. (2005). *Profil kesediaan guru sekolah menengah terhadap pelaksanaan perubahan kurikulum*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Hall, G. E., & Loucks, S. (1978). Teacher concern as a basic for facilitating and personalizing staff development. *Teachers College Record*, 9, 36-53.
- Hallinger, P. (1998). Educational change in the Southeast Asia. The challenge of creating learning system. *Journal of Educational Administration*, 6(5), 492-509.
- Harvey, T. (1990). *Checklist for change*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hussein Ahmad. (2001). *Mandat UNESCO dan cabaran globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Johnson, S. M. (1986). Incentives for teachers: What motivates, what matters. *Educational Administration Quarterly*, 22, 55-79.
- Katz, L. G. (1972). Development stages of preschool teachers. *Elementary School Journal*, 3(1), 50-54.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ohmae, K. (1995). *The ends of the nation state: The rise of regional economies*. New York: Free Press.
- Omar Mohd. Hashim. (1991). *Pengisian misi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (1988). *Curriculum: Foundation, principles and issues*. London: Allyn & Bacon.
- Rahmad Sukor Ab. Samad (2006). Inovasi IT dalam pengurusan pendidikan. Dlm. Sufean Hussin et al. (Peny.), *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Bentong: PTS.
- Robiah Sidin. (1994). *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk masa depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

